
SKEMA MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3 2018

**KESUSASTERAAAN MELAYU
2215/1**

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

PERATURAN PEMARKAHAN

Pemberian markah berdasarkan isi dan penyampaian.

(a)	Isi	Markah
	Markah bagi isi berdasarkan peraturan pemarkahan yang ditetapkan.	
	• Fakta berserta huraian / contoh	2 / 3 / 4
	• Fakta tanpa contoh	1 / 2
	• Fakta betul, contoh salah	1 / 2
	• Huraian yang menggambarkan fakta	1 / 2
	• Fakta salah, contoh betul	0
	Gaya bahasa	
	• Fakta betul, contoh betul	2
	• Fakta betul, contoh salah	1
	• Fakta betul, tiada contoh	1
	• Fakta salah, contoh betul	0
(b)	Penyampaian	
	(i) Hendaklah dalam bentuk struktur / jawapan ringkas / jawapan pendek (bagi soalan Bahagian Satu) dan dalam bentuk esei bagi soalan Bahagian Dua).	
	(ii) Menggunakan bahasa yang betul.	
	(iii) Menggunakan ejaan yang lengkap dan betul.	
	(iv) Soalan perbandingan, mengikut perbandingan terus bukannya dalam bentuk yang disenaraikan.	

Nota:

PENYAMPAIAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN (b)(i) – (v) DI ATAS AKAN DIPOTONG MAKSIMUM 2 MARKAH BAGI SETIAP SOALAN.

Bahagian 1 [40 markah]

1			Dua gaya bahasa puisi	
		(i)	Anafora Cth : Ada / <u>Ada</u> ubi ada batas <u>Ada</u> budi ada balas Orang / <u>Orang</u> berbudi kita berbahasa, <u>Orang</u> memberi kita merasa Tak/ <u>Tak</u> tumbuh tak melata, <u>Tak</u> sungguh orang tak kata	[1+1]
		(ii)	Sinkope Cth : Tak / <u>Tak</u> tumbuh tak melata, <u>Tak</u> sungguh orang tak kata	[1+1]
		(iii)	Responsi Cth : ada / Ada ubi <u>ada</u> batas Ada budi <u>ada</u> balas Kita / Orang berbudi <u>kita</u> berbahasa, Orang memberi <u>kita</u> merasa.	[1+1]
		(iv)	Asonansi Cth : <u>Ada</u> ubi <u>ada</u> <u>batas</u> / Tak sungguh orang tak <u>kata</u> / Orang berbudi kita <u>berbahasa</u> (pengulangan bunyi vokal a dalam baris)	[1+1]
		(v)	Aliterasi Cth : <u>Tak</u> <u>tumbuh</u> <u>tak</u> <u>melata</u> (Pengulangan bunyi konsonan t dalam baris)	[1+1]
			[Maksimum 4 markah]	
2			Sudut pandangan	
			Sudut pandangan orang ketiga Contoh : Pengarang menggunakan kata ganti nama diri orang ketiga / Maka <u>Laksamana</u> pun melompat menangkiskan parangnya itu /maka diparangnya oleh <u>Laksamana</u> telinganya, putus terpelanting ke tanah / Maka <u>Laksamana</u> pun melompat naik ke atas balairung itu. / Maka orang pun hairan melihat pantas <u>Laksamana</u> itu.	[2+2m]
			[Maksimum 4 markah]	
3			Satu teknik plot.	
		(i)	Monolog dalaman. Contoh : Maka budak itu pun berfikirilah di dalam hatinya. “Benarlah seperti kata naga itu.”	[2+2m]
		(ii)	Pemerian. Contoh : Maka berjalanlah ia menuju Tasik Hijau itu. Setelah dekatlah ia dengan tasik itu, maka datanglah segala ular kecil-kecil dan besar-besar mendapatkan naga itu. Maka budak itu pun takutlah ia melihat ular yang datang itu.	[2+2m]
		(iii)	Dialog. Contoh : Maka kata naga itu, “Janganlah saudara hamba takutkan segala ular yang datang ini kerana semuanya ini rakyat datuk hamba.” Maka budak itu pun diamlah.	[2+2m]
			[Maksimum 4 markah]	

4			Dua harapan penyajak berserta contoh.	
		(i)	Penyajak berharap supaya air laut tenang di kuala dan juga di muara. Contoh: Tenanglah laut, kuala dan muara	[1+1m]
		(ii)	Penyajak berharap supaya ombak tidak bergelora dan mengganas Contoh: Ombak jangan gila melanda	[1+1m]
		(iii)	Penyajak berharap supaya angin bertiup laju dan mempercepatkan pelayaran Contoh: Tiuplah bayu pada layarku laju	[1+1m]
		(iv)	Penyajak berharap agar dayung yang digunakan untuk mengayuh tidak patah Contoh: Dayung jangan patah	[1+1m]
		(v)	Penyajak berharap agar layar yang digunakan untuk pelayaran tidak patah atau rosak Contoh: Layar jangan rekah	[1+1m]
		(vi)	Penyajak juga berharap supaya tiang layar tidak patah Contoh : Tiang jangan rebah	[1+1m]
			[Maksimum 4 markah]	
5			Dua perwatakan Dr Chan	
		(i)	Seorang yang tenang. Contoh : DR CHAN (<i>dengan tenang</i>)	[1+1]
		(ii)	Seorang yang gigih berusaha / sanggup berusaha demi orang lain Contoh : DR CHAN: Ya, Zaki. Aku akan cuba sedaya upayaku.	[1+1]
		(iii)	Seorang yang yakin dengan doa dan kuasa Tuhan dalam mencapai sesuatu hajat Contoh : DR CHAN : Ya, Zaki...Doakan saja. Semuanya dalam kuasa Tuhan belaka.	[1+1]
		(iv)	Seorang yang banyak memberi nasihat kepada sahabat Contoh : DR CHAN : Sabar, Zaki. Berikan dia waktu yang cukup. Kauhadapilah peristiwa ini dengan tenang.	[1+1]
		(v)	Seorang yang prihatin / gemar mendoakan kebaikan orang lain Contoh : DR CHAN : ... Kuharap engkau akan bahagia bukan saja dengan ibumu, dengan Tina tetapi juga dengan Anna. <u>Atau:</u> DR CHAN : ... Selepas ini, kuharap engkau akan bahagia, bersama dengan ibumu dan Tina ...	[1+1]
			[Maksimum 4 markah]	
6			Dua latar tempat berserta contoh	
		(i)	Tepi tembok Padang Kota Lama Contoh : (<i>MAT PIAH dan BLACKWAY berada di tepi tembok Padang Kota Lama...</i>)	[1+1]
		(ii)	Fort Cornwallis Contoh :	[1+1]

			(MAT PIAH dan BLACKWAY ... menghadap Fort Cornwallis) <u>atau</u> MAT PIAH : Fort Cornwallis ni tutup, tuan <u>atau</u> (BLACKWAY tidak berkata apa-apa. Masih mendongak memandang ke arah Fort Cornwallis dalam simbahannya cahaya yang malap).	
		(iii)	Hotel Contoh : MAT PIAH : ... Tuan tinggal di hotel mana?	[1+1]
		(iv)	Dalam Fort Cornwallis Contoh : MAT PIAH : Dalam Fort Cornwallis ni ada patung Francis Light...	[1+1]
		(v)	Hadapan Muzium Contoh : ... Dulu patung tu tempatnya di hadapan muzium ...	[1+1]
			[Maksimum 4 markah]	
7			Dua nilai murni.	
		(i)	Kasih sayang Contoh : Yang tidak punya apa-apa, kecuali amal jariah dan kasih sayang yang ditinggalkannya semasa dia masih berkuasa.	[1+1]
		(ii)	Baik hati Contoh : Hal ini kerana Abang Said pernah membiayai pembedahan Mak Limah semasa beliau sakit jantung dahulu.	[1+1]
		(iii)	Mengenang budi Contoh : Dan mereka ingat. Jasa itu sampai ke hati mereka.	[1+1]
			[Maksimum 4 markah]	
8			Satu persoalan.	
		(i)	Persoalan tentang tanggungjawab dalam mempertahankan alam sekitar. Contoh : Pernah kau kata yang kes kami akan kaubawa ke meja seminar antarabangsa.	[2+2]
		(ii)	Persoalan tentang pencemaran alam sekitar/laut. Contoh : budaya hidup manusia moden yang suka mencemar dan membuang semua kotoran ke laut.	[2+2]
		(iii)	Persoalan tentang pencerobohan hutan Contoh : pencerobohan tanah hutan kerana tanah merah yang terhakis dari situ mengeruhkan biru laut.	[2+2]
		(iv)	Persoalan tentang keadilan Contoh : Kaumahu lanun-lanun yang mencuri karang-karang laut dari terumbu induk disumbat ke penjara seumur hidup mereka.	[2+2]
			[Maksimum 4 markah]	
9	(a)		Dua latar masyarakat	
		(i)	Masyarakat golongan bangsawan. Contoh : Pada zaman dahulu para bangsawan Ogonshoto malah pernah menangkap penduduk asli seminggu menjelang gerhana matahari penuh.	[1+1]
		(ii)	Masyarakat orang asli. Contoh : Sehari sesudah gerhana itu, penduduk asli itu dilepaskan, kemudian diburu dan dibunuh.	[1+1]
		(iii)	Masyarakat yang zalim. Contoh : Pada zaman dahulu para bangsawan Ogonshoto malah pernah menangkap penduduk asli seminggu menjelang gerhana matahari penuh.	[1+1]

			Sehari sesudah gerhana itu, penduduk asli itu dilepaskan, kemudian diburu dan dibunuh.	
		(iv)	Masyarakat golongan penjajah. Contoh : Tetapi adat memburu dan membunuh orang dalam permainan itu telah dihapuskan oleh penjajah Eropah.	[1+1]
			[Maksimum 4 markah]	
10			Dua pengajaran	
		(i)	Kita hendaklah memohon maaf atas segala kesilapan kita yang lalu.	[2m]
		(ii)	Kita hendaklah mengakui akan kesilapan yang telah dilakukan.	[2m]
			[Maksimum 4 markah]	

BAHAGIAN DUA

Bahagian A

1	(a)		Dua persoalan	
		(i)	Persoalan peniaga yang mempromosi produk baru di gerai jualan. Cth : Burung kekek burung di hutan, Terbang naik berlegar-legar ; Mari encik marilah tuan, Barang baik baharu keluar	[1+1]
		(ii)	Persoalan tentang sikap sesetengah pelanggan yang lebih gemar memerhati daripada membeli. Cth : Hari Jumaat pergi memukat, Orang menangguk ikan di kali; Minta maaf belum berhajat, Datang menengok, bukan membeli.	[1+1]
		(iii)	Persoalan sikap cabar mencabar dalam menceburi bidang perniagaan. Cth : Kuda tengkot menang berlumba, Lompat bertangkup keempat kaki; Mengapa takut masuk berniaga? Kuranglah sanggup sifat lelaki.	[1+1]
		(iv)	Persoalan sikap manusia yang berkira untuk mendapatkan makanan yang berkulaiti. Cth : Penakut sungguh rupanya ikan, Umpan di kail lari menepi; Kedekut sungguh tuan nak makan, Makanan baik tidak terbeli !	[1+1]
			[Maksimum : 4 markah]	
	(b)			
		(i)	ada rangkap/ berangkap Cth : Terdiri daripada enam rangkap	[1+1]
		(ii)	Jumlah/bilangan baris setiap rangkap adalah sama Cth : Rangkap 1 hingga 6 terdiri daripada empat baris dalam setiap rangkap	[1+1]
		(iii)	Jumlah / bilangan perkataan sebaris tidak sama Cth : Tiga hingga lima perkataan sebaris	[1+1]
		(iv)	Jumlah / Bilangan suku kata sebaris tidak sama Cth : sembilan hingga sepuluh suku kata sebaris	[1+1]
		(v)	Rima akhir setiap rangkap adalah berselang / terikat Cth : abab	[1+1]

		(vi)	Baris pertama dan kedua setiap rangkap adalah pembayang Cth : Burung kekek burung di hutan, Terbang naik berlegar-legar;	[1+1]
		(vii)	Baris ketiga dan keempat setiap rangkap adalah maksud Cth : Mari encik marilah tuan, Barang baik baru keluar.	[1+1]
		(viii)	Terdapat jeda di tengah baris Cth : Burung kekek / burung di hutan	[1+1]
		(ix)	Bentuk terikat Cth : Rima akhir sama abab	[1+1]
			[Maksimum : 8 markah]	
	(c)		Penciptaan Gurindam	
		(i)	Tema	[2m]
		(ii)	Bentuk	[2m]
		(iii)	Bahasa	[2m]
		(iv)	Kretiviti	[2m]
			[Maksimum : 8 markah]	
2	(a)		Dua latar masyarakat.	
		(i)	Masyarakat golongan pemerintah / raja. Contoh: Raja Melaka dan Phra Chau merupakan pemerintah / raja di negeri Melaka dan juga Siam.	[2+2m]
		(ii)	Masyarakat yang patuh / taat kepada perintah raja. Contoh; Bendahara dan Laksamana taat kepada perintah raja Melaka agar pergi ke Benua Siam untuk membeli 6 ekor gajah.	[2+2m]
		(iii)	Masyarakat yang suka berperang. Contoh : Hang Tuah / Laksamana dan Maharaja Setia berperang dengan askar Jepun di Benua Siam.	[2+2m]
		(iv)	Masyarakat yang mengamalkan hubungan diplomatik. Contoh : Raja Melaka dan Phra Chau saling menjalin hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara iaitu Siam dan Melaka.	[2+2m]
		(v)	Masyarakat yang menghormati tetamu. Contoh : Phra Chau dan Oya Bagelang memberi layanan yang baik kepada Laksamana / menyambut baik kedatangan utusan dan bingkisan daripada Raja Melaka.	[2+2m]
			[Maksimum 8 markah]	
2.	(b)		Empat Nilai Murni.	
		(i)	Nilai kebijaksanaan. Contoh : Laksamana bijak menggunakan helah dengan mengatakan bahawa dirinya sakit untuk mengelak daripada merangkak apabila mengadap / menyembah Raja Siam / Phra Chau.	[1+2]
		(ii)	Nilai Ketaatan / kepatuhan Contoh : Laksamana taat / patuh kepada perintah raja Melaka agar ke Benua Siam untuk membelikan 6 ekor gajah.	[1+2]
		(iii)	Nilai keberanian Contoh : Laksamana berani menyahut cabaran daripada pendekar Jepun untuk berlawan dengannya.	[1+2]
		(iv)	Menghormati tetamu. Raja Siam / Phra Cau menyambut kedatangan Laksamana dengan ke Siam dengan baik dan mengurniakan Laksamana persalinan cara Siam	[1+2]

			kerana hairan melihat Laksamana fasih berbahasa Siam.	
		(v)	Mengenang budi. Contoh : Raja Siam / Phra Cau telah menghadiahkan enam ekor gajah kepada Raja Melaka dan empat ekor gajah kepada Laksamana atas jasa dan bakti Laksamana kepadanya.	[1+2]
		(vi)	Pemurah. Contohnya : Phra Chau telah mengurniakan Laksamana persalinan cara Siam kerana hairan melihat Laksamana fasih berbahasa Siam.	[1+2]
			[Maksimum 12 markah]	
3	(a)		Nada sajak	
			Melankolik	[2m]
			Contoh : Marilah kembali ke rumah nurani rumah diri yang tersergam di tanah batini / Rumah nuranimu biar berjendelakan renda susila menutupi kamar diri / Biar rumah kita terbina dengan acuan bangsa berukir akal budi melarik bunga tradisi	[2m]
			[Maksimum : 4 markah]	
	(b)		Empat gaya bahasa.	
		(i)	Asonansi Contoh : Marilah kembali ke rumah nurani / Marilah kembali ke rumah nurani (pengulangan bunyi vocal [a] dalam baris.	[1+1]
		(ii)	Aliterasi Contoh : Kau tetap gagah menaungi rumah peribadi / Kau tetap gagah menaungi rumah peribadi (pengulangan bunyi konsonan [g] dalam baris.	[1+1]
		(iii)	Kata ganda contoh: lorong-lorong	[1+1]
		(iv)	Sinkof Contoh : kau / <u>Kau</u> tetap gagah menaungi rumah peribadi mu / kerana dinding iman <u>mu</u> ampuh melawan	[1+1]
		(v)	Metafora Contoh : rumah nurani / tanah batini / langit serakah / rumah peribadi / mata kagum / bunga tradisi / kebun hayat	[1+1]
		(vi)	Personafikasi. Contoh : kau tidak mudah dibelai gemalai tipu daya	[1+1]
		(vii)	Hiperbola Contoh : di sini kita menukang cinta dan menyulam bahagia	[1+1]
			[Maksimum : 8 markah]	
	(c)		Cipta sajak	
		(i)	Tema	[2m]
		(ii)	Bahasa	[2m]
		(iii)	Bentuk	[2m]
		(iv)	Kreativiti	[2m]
			Nota : 1. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon kurang daripada 7 baris, berikan markah maksimum 4 markah sahaja	

			2. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon 7 hingga 11 baris, maksimum markah bentuk ialah 1 markah. 3. Jika calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti 4. Jika calon menghasilkan sajak lebih daripada 15 baris, periksa seperti biasa Sajak yang tidak menepati tema, markah tema 0.	
			Maksimum : 8 markah	
4	(a)		Empat perwatakan Anna	
		(i)	Seorang peranakan Inggeris dan Melayu Contoh : Anna adalah anak kepada Thomas Carpenter, bekas Pengurus Besar sebuah ladang getah Inggeris di Malaya yang berkahwin dengan wanita Melayu.	[1+2]
		(ii)	Seorang yang bijak / berpendidikan tinggi Contoh : Anna merupakan siswa jurusan Ekonomi di Universiti Cambridge	[1+2]
		(iii)	Seorang yang sanggup berkorban Contoh : Anna sanggup berkorban meninggalkan ayah, pengajian serta negaranya semata-mata untuk mengikut Zaki pulang ke tanahairnya.	[1+2]
		(iv)	Seorang yang memiliki sikap mudah putus asa Contoh : Anna sendiri mengakui yang dia memang cepat berputus asa berpunca daripada sikap suaminya sendiri, malah Zaki turut menyatakan bahawa isterinya, Anna begitu cepat berputus asa dalam usaha memulihkan hubungan antara mereka.	[1+2]
		(v)	Seorang yang insaf dan ingin menebus kesalahan & kesilapannya selama ini / menyesal akan tindakan sendiri Contoh : Anna menyesal dengan tindakannya meninggalkan ayah, pengajian dan kampus universiti serta tanahairnya, England menyebabkan dia bertindak untuk kembali ke sana.	[1+2]
		(vi)	Seorang yang tegas pendirian Contoh : Anna tetap tegas dengan keputusan yang dibuat untuk kembali ke England walaupun Zaki puas memujuk dengan pelbagai alasan termasuk alasan kasih sayang terhadap anak mereka, Tina yang sedang membesar.	[1+2]
		(vii)	Seorang yang terlalu menurut kata hati / terlalu menurut perasaan cinta / terburu-buru Contoh : Anna sanggup untuk tidak meneruskan pengajiannya sebagai mahasiswa jurusan Ekonomi di Universiti Cambridge semata-mata kerana perasaan cinta yang mendalam terhadap Zaki dan akhirnya mengikutnya pulang ke Malaysia.	[1+2]
		(viii)	Seorang yang cemburu / Seorang yang tamak akan kasih sayang Contoh : Anna merasa cemburu terhadap ibu Zaki yang dianggap telah memecahkan kasih sayang Zaki terhadapnya sehingga hidupnya menderita selama empat tahun	[1+2]
		(ix)	Seorang yang pentingkan diri sendiri Contoh : Anna mahukan perhatian Zaki yang sepenuhnya kepada dirinya dan rumah tangga mereka.	[1+2]
		(x)	Seorang yang inginkan kebebasan Contoh : Anna mengharapkan Zaki memberi kebebasan kepadanya agar Zaki dapat memberi perhatian penuh terhadap ibunya.	[1+2]

		(xi)	Seorang yang keras hati Contoh : Walaupun Anna bertindak nekad untuk meninggalkan Zaki namun dia merasa tidak bersalah malah Anna menyatakan yang dia tidak akan meminta maaf kepada suaminya	[1+2]
			[Maksimum : 12 markah]	
	(b)		Empat Ciri Drama	
		(i)	Mempunyai babak Contoh : BABAK KETIGA	[1+1]
		(ii)	Mempunyai aksi / arahan Contoh : (<i>Dalam alunan muzik kedengaran bunyi kereta berhenti. Pintu dibuka dan ditutup beberapa kali. DOKTOR CHAN masuk dengan pakaian dokternya.</i> <u>atau</u> DR. CHAN (<i>tenang</i>) <u>atau</u> (<i>Zaki dengan cepat meninggalkan ANNA dan DR. CHAN.</i>)	[1+1]
		(iii)	Mempunyai pelakon / watak / pelaku Contoh : Zaki, Dr. Chan, Pn. Zaki, Tina, Ibumu	[1+1]
		(iv)	Mempunyai Skrip / Dialog Contoh : DR. CHAN (<i>tenang</i>) : Helo Zaki, helo Puan Zaki. ZAKI : Oh, Dr. Chan. Bagaimana kautahu? <u>atau</u> contoh lain.	[1+1]
			[Maksimum 8 markah]	

5	(a)		Dua Pengajaran.	
		(i)	Kita hendaklah rajin/gigih berusaha untuk mengubah nasib hidup. Contoh : Ketekunan Sahat dalam menuntut ilmu telah menjadikannya graduan yang berkelulusan sarjana dalam bidang pertanian di Universiti Putra Malaysia dan ingin menjadi petani berjaya	[2+2]
		(ii)	Kita hendaklah bertanggungjawab mempertahankan hak dari dicerobohi. Contoh : Sahat mewakili penduduk kampung mempertahankan Bukit Emas daripada digondolkan / dimajukan kerana di situlah punca rezeki penduduk kampung melalui hasil jualan buah-buahan tempatan.	[2+2]
		(iii)	Kita janganlah menabur fitnah untuk kepentingan diri. Contoh : 4 tahun lalu Penghulu Sudin telah memfitnah ayah Sahat / Pak Jaya sehingga dia digugurkan sebagai calon penghulu.	[2+2]
		(iv)	Kita hendaklah insaf/sedar akan kesalahan yang telah dilakukan. Contoh : Tahot, Ayub dan Kasim insaf akan perbuatan mereka yang memusuhi Sahat selama ini.	[2+2]
		(v)	Kita hendaklah memaafkan kesalahan yang dilakukan seseorang. Contoh : Sahat telah memaafkan kesalahan yang telah dilakukan oleh Tahot, Ayub dan Kasim yang telah memusuhinya dan orang kampung.	[2+2]
		(vi)	Kita hendaklah mempunyai perasaan simpati terhadap seseorang yang dianiayai / difitnah. Contoh : Penduduk kampung bersimpati dengan nasib yang Pak Jaya yang telah difitnah oleh Penghulu Kudin.	[2+2]

		(vii)	Kita hendaklah jujur / amanah jika diberi tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Contoh : Penghulu Sudin tidak pernah berterus terang dan mendapat persetujuan penduduk kampung bahawa Bukit Emas akan dimajukan.	[2+2]
		(viii)	Kita hendaklah berani menegakkan keadilan daripada dianiayai / ditindas. Contoh : Sahat berani membantah projek kuari Bukit Emas yang telah dicadangkan oleh Penghulu Sudin tanpa persetujuan penduduk kampung Kuah.	[2+2]
		(ix)	Kita hendaklah mempunyai wawasan/impian dalam hidup. Contoh : walaupun memiliki ijazah peringkat sarjana, Sahat nekad dengan keputusannya untuk menjadi petani yang berjaya.	[2+2]
			[Maksimun 8 markah]	
5	(b)		Sambung petikan cerita.	
			Pemberian markah berdasarkan	
		(i)	Isi	[3m]
		(ii)	Teknik / Bentuk	[3m]
		(iii)	Gaya Bahasa	[3m]
		(iv)	Kreativiti	[3m]
			Nota : Calon mengemukakan satu teknik plot / penceritaan, maksimum 2 markah untuk teknik.	
			[Maksimun 12 markah]	
6	(a)		Dua perwatakan pemuda	
		(i)	Seorang yang pendiam: Contoh: Dia sudah berjanji kepada dirinya sendiri untuk lebih banyak diam. / dia hanya membisu, termasuk apabila ditanyai sama ada ingin belajar Bahasa Inggeris.	[2+2]
		(ii)	Seorang yang kelihatan bodoh: Contoh: pemuda itu berjanji kepada dirinya agar kelihatan lebih bodoh.	[2+2]
		(iii)	Seorang yang berdisiplin. Contoh: Dia memperlihatkan disiplin serta dedikasi yang tinggi.	[2+2]
		(iv)	Seorang yang berdedikasi dalam bekerja. Contoh: Dia memperlihatkan disiplin serta dedikasi yang tinggi selama bekerja di stor itu.	[2+2]
		(v)	Seorang yang rajin. Contoh : Beberapa tahun kemudiannya namanya mulai menjadi buah bibir para pekerja istana kerana sifat ringan tulangnya.	[2+2]
		(vi)	Seorang yang amanah. Contoh : Beberapa tahun kemudiannya namanya mulai menjadi buah bibir para pekerja istana kerana sifat ringan tulangnya, dedikasi, disiplin serta amanah.	[2+2]
			[Maksimum 8 markah]	
	(b)		Empat latar tempat.	
		(i)	Di sekolah tinggi Tatamanu Huraian: Dia pernah menjadi guru sains di sekolah tinggi Tatamanu.	[1+2]
		(ii)	Perumahan para penghidap lepra (kusta) Huraian: Guru Kidal itu mengunjungi sahabatnya disitu untuk tujuan memotong jarinya.	[1+2]

		(iii)	Di bawah pohonan. Huraian: Sahabat guru kidal itu sedang duduk merokok di sebuah bangku panjang di bawah pohonan sewaktu dia sampai.	[1+2]
		(iv)	Bilik stor Huraian: Sahabat guru kidal itu pergi mengambil pahat dan tukul di bilik stor.	[1+2]
		(v)	Pedalaman Kuri Huraian: Gabungan 3 buah syarikat dari Turki, Jepun, dan Jerman akan datang menutuh hutan sejempit di sana untuk dijadikan padang golf.	[1+2]
		(vi)	Di kamar studi sebuah rumah besar Huraian: Kelihatan jari-jemari penyokong setia Presiden sedang mengetuk permukaan meja.	[1+2]
		(vii)	Di dapur Huraian: Di dapur ada yang membantu guru kidal itu membakar roti dan menyediakan sup serta salad.	[1+2]
			[Maksimum 12 markah]	

PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT